

UNIT II (SAMBUNG)

JENIS FRASA

2.0 Pendahuluan

Dalam susunan tatabahasa, frasa terletak di bawah ayat kerana frasa tidak mengandungi **subjek(s) dan prediket(P)**. Selain itu, frasa adalah suatu unsur bahasa yang lebih tinggi tingkatnya daripada perkataan. Abullah Hassan (2002:233) menyatakan bahawa frasa sebagai sekumpulan perkataan.

2.1 Jenis Frasa

Penggolongan jenis frasa ditentukan sejalan dengan penggolongan jenis kata kerana sifat dan perilaku frasa sama dengan sifat dan perilaku kata. Berdasarkan hal tersebut, frasa dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) dan frasa sendi(Fsnd). Butiran selanjutnya adalah seperti berikut:

1. Frasa Nama

Nik Safiah Karim et al. (1993:556) mengatakan FN ialah frasa yang perkataan utamanya terdiri daripada kata nama, kata nama terbitan atau kata ganti nama.

Contohnya:

1. **Mohd Saidi** bapa saya.
(kata nama khas)
2. **Si Merah** kucing saya.
(kata nama khas)
3. **Persatuan** itu belum mengadakan mesyuarat.
(kata nama + terbitan)

FN ialah binaan yang terdiri daripada satu perkataan ataupun beberapa perkataan yang boleh berfungsi sama ada sebagai S atau P. Frasa nama terdiri daripada kata nama, kata nama terbitan atau kata ganti nama.

Contohnya:

Anwar bekerja di pejabat.

(Frasa nama = **Anwar** sebagai subjek)

Yang ini **pisang-goreng**.

(Frasa nama = **pisang-goreng** sebagai prediket)

Binaan Frasa Nama

Ada dua binaan FN iaitu:


1. Inti + Penerang

2. Inti + Inti

1. Inti + Penerang

FN yang terdiri daripada inti+penerang ialah binaan yang terdiri daripada **kata nama yang menjadi inti di depan**, manakala penerangnya hadir pada kedudukan selepas inti untuk memberikan keterangan lanjut.

Contohnya:



Kadangkala penerang boleh berada di depan, Seperti :



1.1 Kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan, Contohnya:



1.2 Kata nafi, Contohnya:



Nama panggilan atau gelaran, Contohnya:




1.3 Kebiasaan, Contohnya:



2. Inti + Inti

Inti+inti ialah kedua-dua kata inti itu sama-sama mendungkung makna dan tidak ada unsur penerang dalam binaan itu. Contohnya:



Binaan frasa nama inti+inti mendukung
makna:

1.1 Sama erti, Contohnya:

hutan rimba

kampung halaman

1.2 Pertentangan erti, Contohnya:

anak cucu

ibu bapa

kerusi meja

2. Frasa Kerja

FK ialah binaan frasa yang terdiri daripada satu perkataan ataupun lebih dan intinya merupakan kata kerja. Kata kerja tersebut boleh terdiri daripada kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif.

Contohnya:

sedang mandi
menjadi guru
menjaga saya

Mengikut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:365) FK ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya kata kerja, seperti dalam contoh berikut:

- Kanak-kanak bermain.
- Wajah kakak bertambah cantik.
- Mereka mempelajari tatabahasa.
- Adik belum minum susu.

FK terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda.

Contohnya:

1. Nawi **mandi**.
2. Huda **sedang termenung**.
3. Nenek **akan naik haji** pada hari ini.
4. Mereka **bertolak-tolak** ke dewan

a) Fungsi Frasa Kerja

Frasa kerja berfungsi sebagai

1. Predikat (FN+FK)

Contohnya:

- ❖ Orang tuanya **bertani**.
- ❖ Kereta itu **meluncur laju**.
- ❖ Kakak **membersihkan halaman rumah**.
- ❖ Air sungai **mengalir**.
- ❖ Bapa *sedang berehat*.
- ❖ Kereta itu *sedang bergerak*.

2. Subjek

Semua ayat di bawah terdiri daripada FK. Apabila FK menjadi subjek ayat, FK itu berfungsi sebagai FN. Contohnya:

- **Dihina** tidak baik.
- **Membaca** menambahkan pengetahuan.
- **Makan ulam** mencantikan kulit.

3. Pelengkap

Frasa kerja tersebut bertugas untuk melengkapi makna ayat.

Dua frasa kerja tersebut digandingkan untuk menunjukkan perbuatan itu sangat rapat hubungannya. Contohnya:

- ❖ Ahmad sudah berhenti **merokok**.
- ❖ Saya mulai **mengerti** masalah itu.
- ❖ Pelajar itu terpaksa merantau **menuntut** ilmu.

4. Keterangan

Dapat disisip: *untuk, dari* atau kata sendi lain. Contohnya:

- Adik belum bangun ***tidur***.
- Karim bersedia ***membantu***.
- Mereka baru pulang ***berkelah***.

5. Penerang

FK bertugas menerangkan frasa nama. Contohnya:

- ❖ Perasaan ***tak terkawal*** merosakkan diri.
- ❖ Kedudukan mereka / dalam situasi ***berbahaya***.
- ❖ ***Tugas mengajar*** / kerja yang mulia.

5. Objek.

Contohnya:

- ❖ Kami akan mencuba **melakukan** tugas itu.
- ❖ Cikgu mengajarkan **menari** kepada murid-muridnya.
- ❖ Ibu menekuni **membaca** al-Quran setiap malam Jumaat.

Ayat tersebut dapat dijadikan ayat pasif seperti yang berikut:

- **Melakukan** tugas itu akan kami cuba.
- **Menari** diajarkan oleh cikgu kepada murid-muridnya.
- **Membaca** al-Quran ditekuni oleh ibu setiap malam Jumaat.

Unsur Frasa Kerja

FK boleh diperluas dengan menambah unsur tertentu seperti berikut:

1. Kata Bantu

- Kata bantu aspek (menerangkan masa/waktu bagi kata kerja).

Contoh :

Adik **belum** mandi.

Nenek akan **menanak** nasi.

Adik sedang tidur di dalam bilik.

Adik belum tidur.

2. Kata Nafi

Contohnya:

Encik Wong **tidak** bekerja hari ini.

Budak itu **tidak** mahu makan.

Zaharah **tidak** akan membersihkan meja itu.

3. Keterangan

Contohnya:

Dia belum datang **lagi**.

Amir akan menulis **kembali** jika disuruh.

Amani datang **pagi tadi**.

Kesimpulan

FK boleh terbentuk daripada satu patah kata kerja atau dengan menambah unsur objek serta pelengkap pada kata kerja tertentu bagi menghasilkan binaan FK yang lengkap.

3. Frasa Adjektif

Frasa adjektif (FAdj) ialah frasa yang intinya terdiri daripada kata adjektif. Ia dapat didampingi oleh kata penguat seperti *lebih, amat, sangat* dan mendampingi kata nama sebagai penerang dalam binaan frasa nama. FAdj. boleh terdiri daripada sepatuh kata atau lebih.

Contohnya:

sungguh cantik sekali

masih lagi cantik

Munirah rajin.

Anak saya masih kecil.

Budak itu kurus kering.

Anak saya terang hati.

Peluasan Frasa Adjektif

Peluasan FAdj dapat dilakukan dengan menambahkan bahagian kata berikut:

1. Kata penguat

Kata penguat mesti hadir betul-betul sebelum atau selepas kata Adj. ada juga terletak di depan Adj. ada pula di belakang Adj., malah pula letaknya bebas.

Contoh:

Baju Maslisa *paling putih*.

(paling ialah penguat depan)

Bangunan itu *tinggi sekali*.

(sekali ialah penguat belakang)

2. Kata bantu

kata Adj boleh diperluas dng. kata bantu sebelum kata Adj.

Contohnya:

Lelaki itu *sudah tua*.

Budak itu *masih nakal*.

Berita itu *belum tentu benar*.

Kuih itu *masih belum masak*.

3. Frasa sendi nama

Tugas FSdn. adalah sbg. keterangan, iaitu berada dalam bahagian keterangan ayat.

Contohnya:

Dia tidak sompong **dengan saya**.

Buju ini kurang bersih **daripada baju itu**.

Harga minyak mahal **dari dahulu**.

Fungsi Frasa Adjektif

Berikut ini merupakan fungsi frasa adjektif yang didapati di dalam bahasa Melayu.

1. Sebagai Prediket

Contoh:

Beg itu *murah*.

2. Sebagai Pelengkap

Contoh:

Rambut bapa bertubuh *sasa*.

3. Sebagai Penerang

Contoh:

Baju *biru* itu sangat mahal.

4. Sebagai Keterangan

Contoh:

Dia berjalan sangat cepat.

5. Sebagai Subjek

Contoh:

Biru adalah warna kegemarannya.

4. Frasa Sendi Nama

Frasa sendi (FSN) ialah frasa yang intinya terdiri daripada dua unsur, iaitu satu kata sendi diikuti oleh kata nama atau frasa nama. Antara kata sendi dengan kata nama atau frasa nama dapat diselitkan kata arah.

Contohnya:

dari Yala

di sekolah

di dalam rumah

di dalam kelas

akan ke belakang rumah

Bentuk Kata Sendi

1. Kata sendi dasar seperti kata tugas *di, ke, oleh, dari, untuk dengan antara dan sebagainya*.
2. Kata sendi gabungan.

Contohnya

dari + pada → daripada

ke + pada → kepada

hingga + ke → hingga ke

3. Kata sendi yang berasal drpd. Kata Lain. ttp. Berfungsi sebagai kata sendi misalnya

selain

sepanjang

mengenai

menurut

melalui

Contoh dalam ayat:

1. Adik minum ubat *menurut* arahan doktor.

S + P

FN + FK

kk + kn + fSN

2. Cikgu bercerita mengenai kisah Sang Kancil.

3. Dia belum berkahwin sepanjang pengetahuan saya.

Binaan Frasa Sendi

Binaan FSn. terdiri drpd.

1. Kata sendi nama + frasa nama.

Frasa Sn. yang terbentuk drpd. kata sendi nama + frasa nama. dapat bertugas sbg. prediket dalam sesuatu ayat. Dalam hal ini, FSn. Membentuk pola ayat dasar FN+FSN.

Contohnya:

Amina *dari Narathiwat*.

Abang *akan ke England*.

Adik *belum pernah ke England*.

Lukisan itu *oleh Roslan Jelani*.

2. Kata sendi nama + (kata nama arah) + frasa nama.

Dapat bergabung dengan kata nama arah untuk membentuk frasa sendi nama.. Contoh kata arah ialah atas, bawah, dalam, sisi, tepi, depan, belakang, samping, antara tengah sudut, luar hujung dan sebagainya.

Contoh:

Buku itu *di atas meja*.

Baju itu di dalam almari.

Perdana Menteri *ke luar negeri*.

Pokok rambutan di *depan rumah*.

Pokok mangga *di belakang*.

3. Kata sendi nama + (kata nama arah) + frasa nama + (frasa keterangan).

Frasa sendi nama dapat diperluas dng. frasa keterangan.

Contohnya:

Pelejar-pelajar *ke* perpustakaan *dengan guru itu*.

Pelajar-pelajar *akan* ke perpustakaan *dengan guru itu*.

Ibu *ke* pasar *pada pagi tadi*.

4. Kata sendi nama + (kata nama arah) + frasa nama + (ayat komplemen).


Frasa sendi nama boleh diikuti oleh ayat komplemen sebagai pelengkap.

Contohnya:

Polis *ke dalam hutan untuk memburu penjenayah itu*.

Askar *ke medan perjuangan untuk mempertahankan tanah airnya*.

Baju itu *di ampaian supaya cepat kering*.



Kedudukan Frasa Sendi Nama

Kedudukan frasa sendi nama di dalam ayat adalah seperti berikut:

i. Prediket.

Contoh:

Baju ini *untuk pelajar baru*.

ii. Keterangan

Contoh:

Bas *dari Hatyai rosak*.

Pokok *di belakang rumah sudah tumbang*.

iii. Subjek

Contoh:

Ke Mekah tidak mudah.